LANDSKAP

Edisi 10/2020

Memahami Misi *Irredenta* Sulu dan Filipina terhadap Sabah

IRIS INSTITUTE

Konsep Irredenta - Tuntutan Sempadan Wilayah

Sabah Milik Siapa?

Sejarah tuntutan Sulu & Filipina

Perkembangan terkini isu tuntutan Sabah

Image: Wikimedia

LANDSKAP EDISI 10/2020

Memahami Misi *Irredenta* Sulu dan Filipina terhadap Sabah

IRIS INSTITUTE

Diterbitkan Oleh:
Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad

Copyright © 2020, by Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad

Penulis:
Asyraf Farique, Irdina Hakimah

Editor:
Hanis Noor

Reka bentuk kulit & Susun Atur:
Wafiq Azman

No. 6-23-3A Jalan Medan Pusat Bandar 8A,
Bangi Sentral, 43650 Bandar Baru Bangi,
Taman Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
TEL: 018-2084917 EMAIL: admin@iris.institute

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam dokumen ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada **Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad.**

www.iris.institute

Isi Kandungan

Konsep Irredenta - Tuntutan Sempadan Wilayah	1
Sabah Milik Siapa?	1
Sejarah tuntutan Sulu	2
Sejarah tuntutan Filipina	3
Perkembangan terkini isu tuntutan Sabah oleh Filipina dan Sulu	4
Kesimpulan	5

Memahami Misi *Irredenta* Sulu dan Filipina terhadap Sabah

LANDSKAP EDISI 10/2020

IRIS INSTITUTE

Konsep Irredenta - Tuntutan Sempadan Wilayah

Irredenta bermaksud kawasan luar negeri yang dituntut. Irredentism berasal daripada perkataan Itali iaitu perkataan terre irrendete yang bermaksud dasar luar sesebuah negara untuk mempertahankan pengambil alihan dan pemulihan wilayah asing yang dahulunya pernah menjadi sebahagian daripada negara tersebut atau merupakan tanah air kepada etnik negara tersebut.[1]

Sabah Milik Siapa?

Sabah merupakan negeri yang dinamik daripada segi sejarah politik. Negeri itu dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara yang terletak di kepulauan Borneo atau Malaysia Timur. Keluasannya mencapai sehingga 75,133 km persegi dan menjadikannya sebagai negeri kedua terbesar di Malaysia. Kedudukan Sabah dipisahkan dari Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan dengan jarak kira-kira 1700 km. Sabah pernah berada dalam wilayah kekuasaan Kesultanan Brunei sejak kurun ke-14.

Pada kurun ke-17, Kesultanan Brunei mengalami kemerosotan kerana kekuasaan Barat yang mula berminat ke atas Pulau Borneo atas faktor kekayaan sumber bumi. Peristiwa ini bermula apabila bahagian selatan Pulau Borneo dikuasai oleh Belanda, kesan perjanjian antara Great Britain dan Belanda pada tahun 1824. Sabah juga pernah berada dibawah kekuasaan Sultan Brunei bermula pada abad ke 18. Pada tahun 1881 sehingga 1941, Sabah telah ditadbir oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) dan menjadi sebuah unit politik pada Jun 1882. Pada tahun 1941 sehingga 1945, Sabah dikuasai oleh Jepun iaitu pada Perang Dunia Kedua selama tiga tahun dan lapan bulan. Kemudian, Sabah dikuasai oleh Kerajaan British pada 1946 sehingga 1963 dan dijajah oleh *British Crown Colony* selama 17 tahun.

1 Norizan Kadir, (2017). *Pembentukan Malaysia dan Rancangan Alternatif Filipina Menuntut Sabah Pasca Kegagalan Misi Irrendentism Filipina 1963-1965*. Jurnal of History, Politic and Strategic Studies (JEBAT), 181

Walaupun Sabah sudah menyertai Malaysia, tuntutan Kesultanan Sulu dan Filipina ke atas Sabah masih berlaku sehingga hari ini. Rancangan pembentukan Malaysia mendapat reaksi yang negatif daripada Filipina yang menuntut hak ke atas Sabah atas misi irrendetism dan bagi pihak waris Kesultanan Sulu.

Sejarah tuntutan Sulu

Amerika Syarikat telah menghapuskan penguasaan Kesultanan Sulu apabila Sultan Jamalul Kiram II menandatangani Perjanjian Carpenter pada 22 Mac 1915. Kesultanan Sulu secara *de jure* telah berakhir dalam kamus politik Filipina. Kesultanan Sulu telah hilang kuasa eksekutif dan kuasa simbol kepada masyarakat Tasaug atau Suluk yang berada mendiami Kepulauan Sulu.

Pada Februari 1962, Sultan Jamalul Kiram telah menawarkan kepada kerajaan Filipina untuk mewakili Kesultanan Sulu membuat tuntutan hak kedaulatan ke atas wilayah Sabah tanpa melibatkan hak *proprietary* (harta persendirian). Setahun kemudian, Presiden Macapagal di Dewan Kongres Filipina menjelaskan pendirian kerajaan Filipina memberikan hak mutlak kepada penduduk Sabah untuk menentukan hasrat sendiri berhubung cadangan penubuhan Malaysia.

Sekitar 1970an terdapat tuntutan ke atas Sabah oleh waris-waris Sultan Sulu yang berkepentingan seperti Datu Haji Rodinood yang mendakwa dirinya ialah Raja Muda Sulu. Datu Haji Rodinood Sultan Julhasbi Kiram yang menetap di Kota Kinabalu telah meminta supaya Sabah diserahkan kembali kepada waris Kesultanan Sulu dan telah melakukan ugutan terhadap Malaysia.

Pada Oktober 1978, satu pertemuan sulit telah diadakan antara Harris Salleh, Ketua Menteri Sabah dan Menteri Pertahanan Filipina berdasarkan maklumat yang diterima oleh Duta British di Manila daripada ejen perisikannya. Menurut Duta British di Manila, tujuan lawatan tersebut tidak jelas namun beliau menjangkakan pertemuan tersebut mempunyai perkaitan dengan Sabah Project yang didalangi oleh Kementerian Pertahanan Filipina, Enrile.

Tindakan ini telah mencetuskan kebimbangan kepada pihak British sehingga berlaku ramalan akan wujudnya satu kumpulan sama ada dalam kalangan masyarakat Sabah atau Filipina yang sedang melakukan persiapan untuk menyerang Sabah.[2]

2 Norizan Kadir, Suffian Mansor. *Pengguguran Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah Dan Gerakan Pemisahan Sabah Pada Dekad Kedua Kepimpinan Ferdinand Marcos, 1977* – 1980. Jurnal Sejarah,151

Pada 12 November 1978, seramai 57 waris sultan Sulu yang berasal dari salasilah keturunan Sultan Sulu daripada keluarga Aranan telah menandatangani satu memorandum.[3] Tiga perkara penting yang dijelaskan dalam memorandum adalah (1) sejarah penyerahan wilayah Pantai Timur Sabah oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu, (2) penguasaan orang Tirun di Sabah sehingga membawa kekalahan orang Tirun kepada Sultan Sulu, dan (3) kedudukan waris-waris Sultan Sulu tersebut sebagai warganegara Republik Filipina dan menjadi subjek kepada Kerajaan Filipina di bawah kepimpinan Presiden Marcos serta tertakluk kepada perundangan Filipina. Memorandum ini telah diserahkan kepada pihak British, Malaysia dan ke pejabat Presiden Marcos.[4]

Walaubagaimanapun, kedudukan Sabah kembali terancam apabila Raja Muda Esmail Kiram II merancang melancarkan "perang jihad" terhadap Malaysia pada tahun 1993 dan 2001, jika Sabah tidak diserahkan. Pada 11 Februari 2013, pengikut Jamalul Kiram III mendarat di pantai Sabah bertujuan untuk menuntut wilayah yang "disewakan" di Kampung Tanduo, Lahad Datu. Insiden Lahad Datu ini berlanjutan selama dua bulan dan dilaporkan seramai 68 yang terkorban iaitu 56 pemberontak, 9 daripada pihak berkuasa Malaysia serta 6 orang awam. Sembilan orang Filipina dikenakan hukuman mati kerana melancarkan perang melawan Yang di-Pertuan Agong, termasuk Basad Manuel, anak kepada mendiang Jamalul Kiram.[5]

Sejarah tuntutan Filipina

Filipina menyatakan Sabah adalah sebahagian daripada negara Filipina yang merupakan jajahan Kesultanan Sulu yang kemudiannya dijajah oleh British pada kurun ke-19. Sabah dituntut oleh Filipina berdasarkan tuntutan warisan melalui pertalian tradisi Sabah dengan Kesultanan Sulu dan tuntutan ini adalah sebuah tuntutan yang kurang berasas.[6]

Dalam tempoh tahun 1851–1881, tiada sebarang tuntutan daripada Sepanyol terhadap British bahawa Sabah sebahagian daripada wilayah pentadbiran Sulu. Tambahan, Konvensyen Manila 1885 juga mengesahkan

3 Norizan Kadir, Suffian Mansor. *Pengguguran Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah Dan Gerakan Pemisahan Sabah Pada Dekad Kedua Kepimpinan Ferdinand Marcos, 1977* – 1980. Jurnal Sejarah,149

4 Norizan Kadir, Suffian Mansor. *Pengguguran Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah Dan Gerakan Pemisahan Sabah Pada Dekad Kedua Kepimpinan Ferdinand Marcos, 1977* – 1980. Jurnal Sejarah,149

5 *"Who were The Sulu who Invaded Sabah 7 years ago?*", The Rakyat Post, https://www.therakyatpost.com/2020/02/10/who-were-the-sulu-who-invaded-lahad-datu-7-years-ago/ (Akses pada 10 Ogos 2020)

6 "*Apa Hak Filipina untuk Menuntut Sabah?*", Astro Awani, 28 Mei 2016 http://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-hak-filipina-untuk-menuntut-sabah-106608 (Akses pada 7 Ogos 2020)

bahawa sempadan Filipina ialah sembilan batu dari pantai timur Sabah berdasarkan peraturan antarabangsa yang dimeterai antara Sepanyol dengan Amerika Syarikat. Article 1, The National Territory of Philippine yang dimasyhurkan pada 11 Mac 1967, langsung tidak menyentuh negeri Sabah sebagai wilayahnya. Selain itu, pada 4 Julai 1946 iaitu hari pengisytiharan kemerdekaan Filipina daripada Amerika Syarikat juga tidak memasukkan Borneo Utara sebagai wilayahnya (Fail Arkib Negara Malaysia-2011/0009857). [7]

Perjumpaan antara Malaysia dengan Filipina di Bangkok pada Julai 1968 menegaskan bahawa Malaysia tetap mempertahankan Sabah sebagai wilayahnya yang sah.[8] Setelah rancangan pembentukan Malaysia diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman, pendekatan agresif telah diambil oleh Presiden Ferdinand Marcos untuk menuntut semula Sabah menerusi misi serangan terhadap Sabah yang digelar sebagai Operasi Merdeka pada Mac 1968 (Jabidah Massacre atau Corregidor Incident). Selepas hampir 10 tahun ketika di persidangan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) di Kuala Lumpur, pengguguran tuntutan ke atas Sabah telah diumumkan oleh Presiden Marcos pada tahun 1977 tanpa kenyataan bertulis.[9]

Perkembangan terkini isu tuntutan Sabah oleh Filipina dan Sulu

Pada 27 Julai 2020, Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina, Teodoro Locsin Jr telah mendakwa Sabah bukan sebahagian daripada Malaysia semasa Malaysia di fasa pertukaran kerajaan negeri. Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Menteri Luar Negeri menyifatkan kenyataan tersebut sebagai "kenyataan kurang bertanggungjawab". Bekas Menteri Sabah menyatakan bahawa Sabah merupakan sebahagian daripada Persekutuan Malaysia dan tidak mengiktiraf sebarang tuntutan Filipina terhadap Sabah. Wisma Putra kemudiannya mengeluarkan satu kenyataan menegaskan Sabah ialah sebahagian daripada Malaysia, seperti diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak pembentukan Persekutuan pada 16 September 1963.[10]

7 Bilcher Bala, *Tuntutan Waris Kesultanan Sulu Ke Atas Negeri Sabah, 1673-2013*, 4

8 Hamdan Aziz, Syahrin Said. (2016). *Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan daripada Perspektif Sejarah dan Perundangan*. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 19, 292

9 Norizan Kadir, Suffian Mansor. *Pengguguran Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah Dan Gerakan Pemisahan Sabah Pada Dekad Kedua Kepimpinan Ferdinand Marcos, 1977* – 1980. Jurnal Sejarah,141

10 *"Tuntutan Filipina terhadap Sabah tidak perlu dilayan"* , Sinar Harian, 1 Ogos 2020, https://www.sinarharian.com.my/article/94793/BERITA/Nasional/Tuntutan-Filipina-terhadap-Sabah-tidak-perlu-dilayan (Akses pada 7 Ogos 2020)

Menurut Datuk Seri Hishamuddin Hussein, bayaran berjumlah RM 5,300 kepada 9 waris Kesultanan Sulu setiap tahun yang bermula sejak Sabah menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 telahpun dihentikan pada tahun 2013.[11] Kesultanan Sulu telah kembali melakukan tuntutan ke atas Sabah pada awal Ogos yang lalu. Abraham Idjirani, Setiausaha Agung Kesultanan Sulu, aktor yang aktif dalam melobi tuntutan ke atas Sabah juga menyatakan pernah mengadakan kerjasama dengan pihak British sebelum ini. Menurut Idjirani, sebilangan pejuang Tausug yang mendarat di Lahad Datu sudah menjadi penduduk Sabah dan masih tinggal di pulau itu dan kini pihak Kesultanan Sulu meminta Amerika Syarikat (AS) untuk membantu dalam tuntutan hak miliknya atas wilayah yang dipertikaikan.[12] Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) juga menyuarakan hasratnya untuk membantu Kesultanan Sulu bagi menuntut wilayah Sabah pada bulan Julai yang lalu.

Nur Misuari, Pengasas MNLF berkata kemerdekaan Republik Bangsa Moro merangkumi wilayah Mindanou, Sabah dan Sarawak di Malaysia. Berkenaan Mindanou, menurut Romeo Montenegro yang merupakan Timbalan Pengarah Eksekutif pihak berkuasa Pembangunan Mindanao, wilayah Mindanou telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat di samping dapat membuka pelbagai peluang kepada perkembangan industri ASEAN. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk menambah baik ekonomi Mindanou turut mendapat pelbagai cabaran terutamanya daripada sudut keselamatan apabila mendapat tentangan daripada puak pengganas seperti MILF, NPA dan Abu Syaff.[13] Selain tentangan puak pengganas, terdapat campur tangan luar bagi merebut kekayaan Selatan Filipina melalui usaha galian minyak. Buktinya, sebuah syarikat antarabangsa Britain, firma Britain Energy World International, yang diketuai oleh Graham Elliot telah memperuntukkan sebanyak $2.3 bilion untuk projek penerokaan gas asli dan minyak di laut tinggi perbandaran pulau Lugus, Sulu pada tahun 2019. [14]

Berkaitan MNLF, mereka akan mengambil langkah agresif dalam mengejar tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah dan Sarawak dengan

11 *"Malaysia has been paying Sulu Sultanate every year but not anymore"* , The Rakyat Post, 23 July 2020, https://www.therakyatpost.com/2020/07/23/malaysia-has-been-paying-sulu-sultanate-every-year-over-sabah-but-not-anymore/ (Akses pada 14 Ogos 2020)

12 "*Sabah Shadow gov't revived*", Daily Tribune,1 Ogos 2020, https://tribune.net.ph/index.php/2020/08/01/sabah-shadow-govt-revived/ , (Akses pada 7 Ogos 2020)

13 "*Mindanou as The Land of Promise and Potential"*, Asia Society, (tiada tarikh), https://asiasociety.org/philippines/mindanao-land-promise-and-potential (Akses pada 13 Ogos 2020)

14 "*British Firm Eyes $ 2.3 B oil, gas project in Sulu* " , The Manila Times, 14 Oktober 2019, https://www.manilatimes.net/2019/10/14/news/regions/british-firm-eyes-2-3-b-oil-gas-project-in-sulu/630289/ (Akses pada 13 Oktober 2020)

mengintegrasikan wilayah yang dipertikaikan ke dalam negeri Bangsamoro seperti yang dicadangkan. Hal ini demikian kerana, peguam Rexie Burgaring berkata pengisytiharan Sabah dan Sarawak sebagai sebahagian daripada negeri Persekutuan Bangsamoro dapat mengembalikan hak bersejarah dan hak milik Kesultanan Sulu yang kini merupakan sebahagian daripada Malaysia. [15]

Kesimpulan

Perkembangan tuntutan Filipina dan Sulu perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan kerana terdapat beberapa tanda yang menunjukkan keselamatan Sabah kembali terancam. Isu tuntutan Filipina ke atas Sabah telah menimbulkan pelbagai krisis dalaman negara selain krisis di Selatan Filipina dan gerakan pemisahan Sabah yang berpunca daripada perjuangan bangsa Moro yang menuntut hak mendapatkan wilayah autonomi kerana masih beranggapan Sabah merupakan sebahagian daripada kekuasaan Kesultanan Sulu.

15 " *MNLF helping in Sabah Claim*", Daily Tribune, https://tribune.net.ph/index.php/2020/07/26/mnlf-helping-in-sabah-claim/ (Akses pada 7 Ogos 2020)

FREE PUBLICATION FOR THIS FIRST ISSUE

IJISTRA | International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies

CALL FOR PAPERS

E-ISSN 2735-0398
Volume 1 - Issue 1 (Oct 2020)

INTRODUCTION

International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies (IJISTRA) is a double blind peer-reviewed and bi-annual journal that enriches interdisciplinary understanding on any strategic issues relevant to national, regional and international affairs. IJISTRA invites scholars and writers to propose new insights that are beyond conventional analysis and policy.

TOPIC

Politics & Public Administration
International Relations
Military & Defence
Education
Law
History & Culture
Religion & Philosophy
Science & Technology
Media & Communication
Economics & Finance
Natural Resources & Environment

Deadline of Submission
31st August 2020

Submit your article online
http://ijistra.com

Contact Us
editor.ijistra@gmail.com

IRIS INSTITUTE

eISSN 2735-0398

Google Scholar
Crossref
MCC Malaysia Citation Centre

MENGAPA PERLU BELI BERASINGAN JIKA BOLEH BELI SEKALIGUS?

Baca Radar, Landskap & Kompas tanpa perlu membuat transaksi berkali-kali dengan melanggan produk ekslusif IRIS setahun

LANGGAN SEKARANG

RM150/Setahun

Langgan sekarang di **www.iris.institute**

IRIS INSTITUTE

IRIS INSTITUTE

Ebook

LANDSKAP EDISI KHAS:
SENARIO GLOBAL & MALAYSIA PASCA COVID-19

Ketua Editor: *Asyraf Farique*
Mukasurat: *50*

MUAT TURUN SEKARANG

Layari https://bit.ly/irispublication

IRIS INSTITUTE

‘FAST-TRACKING’ POLITICS

How Southeast Asian leaders capitalized China railway projects for legitimacy

Author: *Syed Israa’*
Genre: *Geopolitik*
ISBN: *978-967-17845-0-1*
Pages: *160*

NEW Product



BOLEH DAPATKAN DI:

www.iris.institute

IRIS INSTITUTE

PENCHINAAN MALAYSIA:
TERGADAIKAH TANAH KEDAULATAN BANGSA

Penulis: *Asyraf Farique, Sakinah Faizal & Wafiq Azman*
Genre: *Geopolitik*
ISBN: *978-967-5473-39-5*
Mukasurat: *344*



PEMENANG
ANUGERAH
BUKU NEGARA
National Book Award
2019

BOLEH DAPATKAN DI:
www.iris.institute